

Suatu kehilangan besar. — Mahathir

KUALA LUMPUR 23 Feb — Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad, orang ramai serta rakan-rakan artis hari ini menyifatkan kematian Penyanyi Nombor Satu Asia, Allahyarham Sudirman Haji Arshad, sebagai satu kehilangan besar pada negara.

Malah penyair cacat J.M. Aziz dari Kuala Terengganu menyifatkan kematiannya sebagai 'hilangnya bintang timur yang mengarak pagi.'

Mereka yang ditemui rata-rata berkata, kehilangannya

amat terasa kerana Allahyarham diminati oleh semua kaum.

"Saya merasa sedih kerana kematian seorang yang telah banyak mengharumkan negara dalam dunia hiburan," kata Dr. Mahathir ketika ditemui di Dataran Merdeka pagi ini ketika ditanya perasaannya tentang kematian Sudirman semalam, setelah terlanjur sakit selama lebih tujuh bulan.

Kata Perdana Menteri, sudah tentu kehilangan Sudirman begitu dirasakan oleh rakyat negara ini kerana semasa hayatnya

beliau merupakan seorang yang disayangi ramai.

Aktivis masyarakat, Lee Lam Thye menganggap kematian Sudirman satu kehilangan pada negara dan bagi dunia hiburan kerana Allahyarham berjaya membuktikan kemampuannya sebagai penghibur popular bukan sahaja di kalangan orang Melayu tetapi juga kaum-kaum lain.

Lee yakin ramai para peminatnya akan merasakan satu kehilangan yang amat sangat.

Bekas Ahli Parlimen Bukit Bintang ini berkata, beliau sendiri kagum dengan kejayaan penyanyi lulusan undang-undang ini meningkatkan imej negara di bidang hiburan di luar negara.

Manakala J.M. Aziz yang pernah menjadi 'bapa angkat' Sudirman berkata, sumbangan Sudirman di bidang hiburan bukanlah sedikit memandangkan beliau pernah mengharumkan nama Malaysia di luar negara.

"Pak Aziz menerima berita kematiannya dengan lafaz Al-Fatihah dalam hati yang begitu

LIHAT MUKA 2

SUATU KEHILANGAN BESAR — MAHATHIR

sayu. Tiada yang dapat Pak Aziz katakan selain dari memohon restu dari Ilahi agar rohnyanya dicucuri rahmat," katanya ketika dihubungi di rumahnya 'Rumah Puisi' di Kuala Terengganu.

Menurut J.M. Aziz, hubungan mereka bermula beberapa tahun lalu ketika Allahyarham melawat rumahnya di Seberang Takir.

Allahyarham menunjukkan kemesraan yang begitu mendalam.

Hubungan mereka menjadi bertambah akrab setelah lagu *Penyu Menangis* yang dinyanyikan oleh Allahyarham berdasarkan sajaknya mendapat sambutan.

Orang Kampung

S&pas itu J.M. Aziz menyumbangkan lirik lagu *Kesian Din* untuk Album *Orang Kampung*.

Pengubah lagu terkenal Manan Ngah yang mencipta lagu popular *Meristik Khobar* menganggap Allahyarham bukan sekadar penghibur, malah sebagai seorang personaliti. Manan Ngah berkata, walaupun ada di kalangan rakan artis yang terkilang kerana tidak sempat bertemu Allahyarham sewaktu terlanjur, tetapi mereka menerima hakikat kerana sifatnya memang suka mengasingkan diri terutama apabila menghadapi masalah.

"Saya dan beberapa orang lain tidak tahu adakah dia

mempunyai sahabat sebenar kerana Allahyarham lebih suka menyendiri dan memikirkan sesuatu dari berpelesenan di kelab-kelab malam," katanya.

Kejayaan

Penyanyi Dato' Daud Kilah pula berkata, "jika kematian Almarhum Tunku Abdul Rahman disifatkan sebagai kehilangan besar bagi negara, tetapi kehilangan Sudirman tidak kurang juga kesannya, khususnya bagi dunia hiburan."

Katanya, beliau benar-benar terasa pemergian Sudirman satu kehilangan.

Pengurus Artis dan Repertoire EMI, Arzmie Mohamad, yang pernah menjadi Pengurus Artis Mike Bernie Entertainment yang mengenali Sudirman selama 15 tahun berkata, beliau memandang tinggi sikap Allahyarham yang sentiasa cuba mencari kelebihannya demi untuk kejayaannya dalam setiap persembahan.

Menurut Arzmie, walaupun beliau pernah bertengkar dengan Allahyarham ketika bekerja dan bertukar pandangan, kini beliau merasa kehilangan seorang rakan yang kreatif.

Katanya, satu lagi kelebihan Sudirman ialah Allahyarham merupakan seorang artis yang tahu bila seseorang itu tidak jujur dan ikhlas terhadapinya bila memberi pandangan.